

Recent Malay Books from Malaysia – Feb 2021

Mary Martin Booksellers Pte Ltd
Blk 231, Bain Street
#03-05, Bras Basah Complex
Singapore 180231
Tel : +65-6883-2284/6883-2204
Fax : +65-6883-2144
info@marymartin.com
www.marymartin.com

Biography / Memoirs

Diario de Mexico / Zakaria Ali
Kelantan: Kedai Hitam Putih, 2019
xxiii, 183p.
9789671307793
\$ 15.00 / PB
194gm.

Perang yang dilancarkan oleh seniman ialah terhadap kemandulan ide. Mesti sebatikan Mexico, bawa ia balik bersama. Salah satu cara untuk berbuat demikian ialah dengan mencatit diari: tulis seolah-olah tiap hari ialah hari baru, hari pertama di Mexico.

"Diario de Mexico merupakan catatan apa yang beliau lalui semenjak kali pertama menjelajak kaki di bumi Mexico. Di sana beliau menghadam kesusasteraan Fuentes dan Octavio Paz, menjelajah sika dan budaya kaum Aztek, melayan lagu-lagu rakyat dan pemuzik marciachis sambil menjilat nikmat tortillas yang sebenar. Segala macam pengalaman ini justeru membina satu pergilakan jiwa yang membuatkan beliau terus "melukis macam orang gila." Landskap geografikal sosial dan budaya dipegunkannya dengan cat minyak-dengan warna dan tona diadun mengikut persekitaran konteks negara tersebut-

menjadikan lukisan-lukisannya padat dengan nuasanya yang tersendiri" - Nur Hanim Khairuddin

<http://www.marymartin.com/web?pid=745763>

Ecology/Environment

Akuakultur Kerapu Hibrid / Rossita Shapawi (et al.)

Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah,
2020

1v.

9789672166986

\$ 32.50 / PB

Penghibridan (kacukan) ikan telah lama dijalankan sejak dahulu lagi yang bertujuan untuk mendapatkan baka baharu yang lebih baik daripada baka induk. Banyak kejayaan telah diraih di seluruh dunia yang melibatkan pelbagai spesies ikan hibrid. Bagi spesies ikan kerapu, bekalan yang mencukupi hanya dapat dipenuhi dengan adanya sumber selain daripada perikanan tangkapan iaitu sektor akuakultur. Kerapu hibrid (kerapu harimau, *Epinephelus fuscoguttatus* ♀ x kerapu gergasi, *E. Lanceolatus* ♂) dihasilkan buat pertama kalinya pada tahun 2006 di Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), Universiti Malaysia Sabah (UMS). Hasil daripada kejayaan ini kemudiannya menjadikan spesies ini sebagai salah satu pilihan utama penternak ikan marin di kebanyakan negara Asia Pasifik kerana kadar tumbesarananya yang tinggi dan mempunyai toleransi yang baik terhadap kemudahan penternakan akuakultur.

Buku ini memberi kefahaman kepada pembaca berkenaan kewajaran penghibridan ikan untuk memenuhi permintaan protein ikan. Pengetahuan teknikal berkenaan kaedah penghibridan di antara kedua spesies ini menjadi paparan utama dalam buku ini. Di samping itu, percubaan

penghibridan pelbagai spesies kerapu lain turut dibincangkan. Prospek industri kerapu hibrid turut dikupas dengan memberi penekanan tentang keperluan pembangunan akuakultur secara mampan. Buku ini sesuai dijadikan bahan bacaan dan rujukan kepada para penyelidik, mahasiswa, pengusaha ikan kerapu hibrid dan masyarakat umum.

<http://www.marymartin.com/web?pid=749077>

Economics

Hubungan Industri dan Sumber Manusia : Isu dan perspektif /
Dzurizah Ibrahim

Third Edition

Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia
Sabah, 2019

1V.

9789672166511

\$ 27.50 / PB

Hubungan Industri dan Sumber Manusia: Isu dan Perspektif (Edisi Ketiga) ini mengandungi topik yang merangkumi asas hubungan industri dan pekerjaan, pengurusan sumber manusia, undang-undang perburuhan, sosiologi kerja, pembangunan sumber manusia dan isu perburuhan kontemporer. Penulisannya menyorot isu dan permasalahan hubungan industri dan sumber manusia dalam konteks perbandingan global dan penekanan terhadap negara sedang membangun amnya dan di Malaysia khususnya.

Kandungan buku edisi ketiga ini ditambah baik dengan memuatkan empat bab baru yang menyorot isu kontemporer yang berlaku dalam dunia pekerjaan hari ini. Bahagian pertama buku ini menumpukan kepada konsep asas hubungan industri dan sumber manusia. Bahagian kedua pula menekankan perbincangan dari aspek hak-hak pekerja dan pengurusan, manakala bahagian ketiga mengupas isu gender dan pembangunan sumber manusia serta cabaran-cabarannya.

Buku ini amat sesuai dijadikan sebagai bahan rujukan kepada tenaga akademik, pengurus organisasi, pengamal hubungan industri mahupun sumber manusia, pelajar institusi pengajian tinggi, maktab dan individu yang berminat dalam topik hubungan industri dan sumber manusia.

<http://www.marymartin.com/web?pid=748872>

Teknologi Kejuruteraan dan Inovasi Pertanian Pintar Desa /

Rosalam Hj Sarbatly

Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah,
2020

1v.

9789672166702

\$ 32.50 / PB

Buku ini memperkenalkan satu konsep baharu pertanian moden dikenali sebagai “Inovasi Pertanian Pintar Desa (IPPD)” yang bertujuan bagi menghasilkan makanan sihat menerusi kunci asas berpandukan hukum syarak “makanan halal lagi baik”. Idea penjenamaan ini adalah bertujuan membantu masyarakat dan kerajaan dalam mewujudkan peluang pekerjaan baharu yang mampu merancakkan ekonomi desa seterusnya menggalakkan lebih banyak industri kecil dan sederhana berkonseptan makan sihat menerusi proses penjagaan secara organik dan bebas dari bahan kimia berbahaya serta bersih dan halal dari segi hukum syarak. Kandungan buku ini akan menerangkan dengan jelas bagaimana teknologi kejuruteraan boleh menjadi tunggak penyelesaian kepada masalah sikap masyarakat yang menganggap pertanian sebagai bukan pekerjaan pilihan. Tabiat masyarakat desa yang lebih gemar bekerja sendiri dan tidak berjadual merupakan masalah utama. Menerusi panduan ini ia dijangka akan dapat merubah tabiat ini dan boleh bekerja secara lebih sistematik.

Menerusi IPPD masalah sikap dan gaya hidup ini telah dikenal pasti dan ditangani. Hasilnya, projek ini akan mendedahkan masyarakat kepada teknologi terkini dalam pertanian serta mengurangkan kebergantungan kepada komitmen manusia.

Konsep IPPD yang diperkenalkan ini dijangka akan menarik golongan muda terutamanya lepasan siswazah yang tidak mempunyai pekerjaan tetap untuk menceburi bidang pertanian yang menjanjikan pendapatan yang lumayan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=748882>

Education

Kartun Konsep dalam Pengajaran Dan Pembelajaran / Siew Nyet Moi @Sopiah Abdullah & Ruslan Mapela
Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2019

1v.

9789672166535

\$ 20.00 / PB

Buku ini membincangkan aplikasi kartun konsep sebagai satu dimensi baharu yang cuba membawa pelajar berhujah dan menyiasat idea sendiri untuk membangunkan konsep saintifik melalui alat visual. Oleh itu, buku ini ditulis dengan teliti dan dibincangkan secara komprehensif dari aspek pedagogi dan kartun konsep agar dapat memberi kefahaman yang lebih mendalam kepada pembaca.

Gabungan yang mantap antara pedagogi dan kartun konsep ini dipercayai dapat memberi kesan yang lebih sempurna dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan itu, idea-idea yang dikemukakan dalam buku ini boleh dijadikan panduan dan rujukan utama kepada guru, bakal guru, pelajar serta sesiapa sahaja yang terlibat dalam proses pengajaran

dan pembelajaran untuk mengadaptasi kartun konsep dan contoh aktiviti yang dibincangkan dalam buku ini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=747654>

Komunikasi Antara Budaya Yang Efektif : Cabaran, Akulturasi dan Adaptasi Budaya Pelajar Antarabangsa di Universiti Malaysia Sabah

/ Halina Sendera Mohd Yakin & Andreas Totu
Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2019

1v.

9789672166528

\$ 20.00 / PB

Migrasi telah berlaku berabad lamanya dan hubungan antara budaya adalah suatu fenomena yang berlaku secara global dan meningkat saban tahun di kebanyakan negara. Berhijrah dan mendiami suatu persekitaran budaya yang baharu boleh menjadi pengalaman yang menggembirakan dan pada masa yang sama mampu mencabar kesabaran dan keteguhan emosi, minda serta fizikal para penghijrah. Lazimnya, para penghijrah akan mengalami suatu tahap kejutan budaya ataupun tekanan akulturasi pada permulaan fasa migrasi, terutamanya dalam kalangan individu yang mengamalkan strategi pemisahan dan marginalisasi dalam akulturasi mereka. Kontrasnya, penemuan mendapati sesuatu yang agak berbeza.

Walaupun terdapat dalam kalangan pelajar yang mengalami tekanan akulturasi atau kejutan budaya (bersifat minor) tetapi dalam kebanyakan masa, rata-ratanya mampu menangani kehidupan bermigrasi mereka sebagai penghijrah dengan cara yang agak selesa. Buku ini menyumbang kepada pemahaman berhubung masalah yang dihadapi oleh pelajar penghijrah dan juga faktor-faktor yang menjayakan adaptasi budaya mereka. Di samping itu, buku ini turut menyediakan implikasi positif serta saranan konstruktif dan praktikal dalam membina hubungan antara budaya yang kondusif serta efektif antara

masyarakat penghijrah dan masyarakat penerima (tuan rumah). Penyelidikan seumpamanya masih relevan sebagai usaha menyahut inisiatif kerajaan untuk memperkasakan prosedur pengambilan pelajar antarabangsa yang menjadi salah satu penyumbang terhadap ekonomi negara. Apa yang pasti, senario penghijrahan, pertembungan dan hubungan antara budaya akan terus mewarnai corak perkembangan, demografi, populasi serta citra sesebuah negara dan pada masa yang sama, memberi impak signifikan dalam pelbagai landskap kehidupan masyarakat dunia terutamanya di ambang pascamoden dalam era Revolusi Industri 4.0.

<http://www.marymartin.com/web?pid=747655>

Sinergisme Wakaf Pendidikan Tinggi dan Keusahawanan Sosial Islam / Noor Hisham Md Nawi & Marwan Ismail
Kota Bharu, Kelantan: Penerbit UMK, 2019
xiv, 242p.

Includes Index ; Bibliography

9789672229735

1. Waqf – Malaysia.
2. Endowments – Malaysia.
3. Universities and colleges – Malaysia – Endowments.
4. Education, Higher – Finance.

\$ 18.00 / PB

378gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=755596>

Memugar Semula Tradisi Intelektual Di Alam Melayu / (Ed)
Rosnani Hashim

Siri Buku Terjemahan IIUM Press
Kuala Lumpur: IIUM Press, 2021
xxiv, 304p.

Includes Index ; Bibliography

9789674910747

1. Intellectual.
2. Scholars.

3. Malays (Asian people) – Social aspects.
\$ 40.00 / PB
504gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=750412>

Health & Medicine

Dinamisme Perubatan Tradisional dan Perubatan Islam Dalam Alam Melayu / Mohd Zawawi Mohamad & Nur Azuki Yusuff
Kota Bharu, Kelantan: Penerbit UMK, 2019
xvi, 164p.

Includes Index ; Bibliography
9789672229780

1. Traditional medicine.
2. Alternative medicine.
3. Medicine – Religious aspects – Islam.
4. Medicine in Qur'an.

\$ 18.00 / PB
266gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=755597>

Manuskrip Perubatan Melayu : Warithan Kebitaraan Melayu
(Ed) Mohd Affendi bin Mohd Shafri
Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia, 2020
xviii, 116p.

Includes Index
9789672422136
\$ 25.00 / PB

Manuskrip Perubatan Melayu: Warithan Kebitaraan Melayu merupakan kumpulan artikel pengkajian saintifik ke atas manuskrip perubatan Melayu dalam mencari rawatan-rawatan yang sesuai digunakan untuk bidang perubatan, mengangkat warithan sains tempatan yang sudah lama

terpinggir dan seterusnya berusaha untuk melakukan penyahBaratan dalam ilmu-ilmu sains. Makalah hasil pembentangan yang dimuatkan di dalam buku ini, antaranya membincangkan usaha-usaha rangkaian jaringan yang telah dibuat sejak dahulu lagi dalam kalangan ṭabīb dan pengalaman perubatan Melayu di dalam perkongsian ilmu penyediaan ubatan serta kaedah peramuan.

Di dalam beberapa makalah ini, pembaca juga diberitahu tentang penyelidikan di dalam genre manuskrip yang ada kepentingannya dalam kajian perubatan dan juga pembentangan kajian penyakit umum zaman moden, iaitu kanser, di mana pentunjuk kepada rawatan efektif mungkin dapat dijumpai melalui pengkajian manuskrip-manuskrip perubatan Melayu lama. Peluang-peluang mendalamai ilmu pengkajian manuskrip lama dengan pembentangan khazanah sedia ada di Muzium Kesenian Islam Malaysia juga memberi maklumat penting kepada pengkaji-pengkaji yang bergiat di dalam bidang ini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=750413>

Kitab Perubatan Melayu : Sari Segala Ubat / Tabib Diraja Kesultanan Pontianak (Introduction) Mohd. Affendi Bin Mohd. Shafri
Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia, 2019
xxviii, 224p.
Includes Index
97896716984404
\$ 30.00 / PB
386gm.

Kitāb Sari Segala Ubat adalah berdasarkan kepada manuskrip perubatan Melayu yang berjudul MSS B15 Kitāb Ubat-ubat dan ‘Azīmat yang tersimpan di British Library, United Kingdom. Adalah dipercayai manuskrip ini disalin dari naskhah Tama (atau Sama), iaitu ṭabīb diraja bagi Kesultānan Pontianak, pada 17 Mei 1813 dan merupakan antara terawwal yang masih

wujūd kerana berasal pada akhir abad ke-18 atau permulaan abad ke-19. Kitab ini mengandungi ‘amalan perubatan Ṭabib Diraja Kesultanan Pontianak, Kalimantan Barat di pulau Borneo yang dapat meluaskan lagi pandangan terhadap pengamalan sains dan teknologi dalam kalangan mashārakat Melayu Borneo pada zamān lampau.

<http://www.marymartin.com/web?pid=625812>

History

Ringkasan Sejarah Masjid Di Seberang Perai Utara /
Muhammad Izuan Abdul Rahman & Mahani Musa
George Town, Penang: Think City Sdn Bhd, 2019
240p.

9789671488119

1. Masjid – Seberang Perai – Sejarah.
2. Pulau Pinang.

\$ 30.00 / PB

764gm.

Seberang Perai pada asalnya merupakan sebahagian daripada kawasan milik kesultanan Kedah sebelum berpindah tangan kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris pada 1800. Kawasan ini mula menerima ramai penghuni ekoran Perang Kedah-Siam-yang tercetus pada tahun 1821. Sejak itu ramaj orang Kedah berpindah ke Seberang Perai bagi mengelakkan kekejaman Siam. Bukan sahaja orang Kedah, Seberang Perai khususnya bahagian utara turut dihuni oleh orang-orang dari Patani yang juga lari daripada kekejaman Siam, orang-orang dari Indonesia, Cina, India dan lain-lain. Di tempat baharu ini, kegiatan sosioekonomi di tanah asal diteruskan, manakala surau dan masjid didirikan sebagai tempat beribadah.

Buku ini mengandungi 73 ringkasan sejarah masjid di Seberang Perai Utara yang dihimpun kisahnya daripada mereka yang terlibat dalam pengurusan masjid, waris-waris pewakaf tanah masjid, orang-orang tua dalam kampung serta dokumen-dokumen yang ditemui setakat ini.

[**http://www.marymartin.com/web?pid=755599**](http://www.marymartin.com/web?pid=755599)

Melayu, Islam, Raja Berpisah Tiada : Perjuangan Kemerdekaan Tanah Melayu / Tunsuzan @ Suzana Hj. Othman & Hj.

Muzaffar Dato' Hj. Mohamad

Shah Alam: Kesedaran Melayu dan Islam (KEMUDI), 2021

viii, 152p.

9789671716328

1. Malaya – History.
2. Malays (Asian people).
3. Malays (Asian people) – Kings and rulers.

\$ 20.00 / PB

280gm.

[**http://www.marymartin.com/web?pid=755600**](http://www.marymartin.com/web?pid=755600)

Singapura Dalam Malaysia 1963-1965 : Perkongsian Tidak Serasi / Rosli Mohd Yusof

Kota Bharu, Kelantan: Penerbit UMK, 2019

xxii, 194p.

Includes Index ; Bibliography

97896722229704

1. Malaysia – History.
2. Singapore – History.
3. Malaysia – Politics and government.
4. Singapore – Politics and government.

\$ 18.00 / PB

322gm.

[**http://www.marymartin.com/web?pid=755601**](http://www.marymartin.com/web?pid=755601)

Aceh Sejarah Perjuangan Mendaulatkan Negara Islam 1873-2005 / Yusra Habib Abdul Ghani & Nordin Hussin

Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UMPress), 2021

xviii, 390p.

Includes Index

9789674881283

1. Aceh (Indonesia) – History – 1873-2005.

2. Aceh (Indonesia) – Politics and government – 1873-2005.

\$ 45.00 / PB

594gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=755602>

Alexander Adalah Zulkarnain : Pembebas Barat dan Timur, Pembina Tembok Yakjuj & Makjuj / Muhammad Alexander Batu Caves, Selangor: PTS Publishing House, 2019

Updated Edition

xxxvi, 732p.

9789674813574

1. Alexander the Great, – 356-323 B.C.

2. Generals – Greece – Biography – Early works to 1800.

3. Greece – History – Macedonian Expansion, 359-323 B.C.

\$ 22.50 / PB

980gm.

“Dan mereka bertanya kepadamu, mengenai Zulqarnain. Katakanlah, ‘Aku akan bacakan kepada kamu sedikit tentang perihalnya.’ Sesungguhnya Kami telah memberikan kepadanya kekuasaan di bumi, dan Kami beri kepadanya jalan bagi mencapai tiap-tiap sesuatu yang diperlukannya.” (Surah Al-Kahfi, ayat 83-84)

Sejak sekian lama, nama agung Zulqarnain cuba dikaitkan dengan nama-nama raja agung dalam sejarah. Mustahil raja agung yang tercatat di dalam Al-Quran ‘hilang’ dalam rekod sejarah. Bukan seorang dua raja agung yang dinobatkan, namun mengaitkan peribadi raja dengan iman yang disebutkan di dalam Al-Quran masih ‘misteri’. Buku Alexander Adalah Zulqarnain mendedahkan profil Alexander The Great, anak Philip II, agamanya, dan kaitannya dengan bangsa paling kejam dalam sejarah, Yakjuj dan Makjuj. Menjawab tuduhan musyrik yang dilemparkan, membersihkan peribadinya daripada sembahana pagan dan membuktikan bahawa beliau sememangnya beriman.

Literature

Sastera Adalah Makanan Anjing : Kompilasi Esei Faisal Tehrani / Faisal Tehrani
Petaling Jaya: Gerakbudaya Enterprise, 2021
x, 314p.
9789670311678
\$ 20.00 / PB
344gm.

“... salah satu ‘lagu ulangan’ yang akan kembali berkumandang, khusus oleh kelompok nasionalis ialah; menjajakan keunggulan peradaban Melayu satu ketika dahulu. Di sebalik hujah yang dinyatakan tersebut, salah satu yang sering diabaikan oleh ‘sejarawan retrophiliac’ adalah faktor keadaan manusia Melayu murbawan itu sendiri. Sebagai misalan, soalan yang mungkin sering diabaikan adalah apakah kegemilangan dan kehebatan peradaban Melayu tersebut dapat dikecapi, dinikmati sama-rata atau sampai ke kaum bawahan, rakyat jelata dan manusia kecil?” – Faisal Tehrani. Kompilasi baru ini mengandungi sepilihan eseи-eseи provokatif dan polemik karya Faisal Tehrani. Antara tumpuannya termasuk agama, sastera, sejarah dan politik – empat bidang yang biasa menjadi ruang pemikiran konservatif dan reaksioner. Dalam buku ini, hal-hal semasa seperti kesupreman Melayu, pengharaman buku-buku, budaya keagamaan dan lain-lain dibincangkan dalam bentuk yang cukup berseni, berteraskan sumber sejarah dan analisis tajam.

<http://www.marymartin.com/web?pid=750411>

Si Sabariah : Novel / Hamka

Bandar Baru Bangi: JT Books (Jejak Tarbiah) PLT, 2020
ix, 155p.

9789671797112

1. Indonesian fiction.

\$ 12.50 / PB

178gm.

Sebuah naskah langka yang mengisahkan tentang keteguhan cinta dan kesetiaan Sabariah kepada suaminya (Pulai) dan menolak permintaan sang bunda, Sariaman, yang bersikeras ingin memisahkan Sabariah dengan Pulai.

<http://www.marymartin.com/web?pid=755603>

Orang-Orang Biasa / Andrea Hirata

Bandar Baru Bangi: JT Books (Jejak Tarbiah) PLT, 2020

312p.

9987671754382

1. Indonesia fiction – Translation into Malay.

\$ 15.00 / PB

306gm.

Sebatang kapur dan penghapus tergeletak di bawah papan tulis itu. Tampak benar telah sangat lama tak dipakai. Demikian minim angka-angka itu sehingga tak bisa dijadikan diagram batang, diagram kue cucur atau diagram naik-naik ke puncak bukit. Rupanya di kota ini, penduduknya telah lupa cara berbuat jahat.

Mata Inspektur semakin sendu menatap papan tulis itu. Keadaan yang tenteram ini perlahan-lahan akan membuat polisi di dalam dirinya terlena, lalu terbaring, lalu pingsan, lalu mati. Inspektur sungguh khawatir. Wahai kaum maling, ke manakah gerangan kalian? Untuk pertama kalinya, Andrea Hirata menulis novel dalam genre kejahatan. Dalam novel istimewa ini, pembaca akan berjumpa tokoh-tokoh unik dengan pikiran menakjubkan. Dari mereka, kita akan belajar betapa mudahnya bahagia karena hal-hal sederhana.

Misteri Raja Bersiong / Ibnu Ibrahim At-Tawari

Malaysia: Karya Publika, 2021

1v.

9789672394150

\$ 15.00 / PB

Arman, Suzana, Yusri, Laila dan Chakri Sampron berusaha merungkai misteri Raja Bersiong. Akibatnya mereka terperangkap oleh penjenayah Kumpulan Raja Bertiong yang memakai topeng Raja Bersiong. Raja Bersiong ialah nama gelaran bagi seorang Raja negeri Kedah yang berpusat di Lembah Bujang. Negeri Kedah pada masa itu ialah sebahagian daripada Kerajaan Sriwijaya. Nama sebenar baginda ialah Raja Ong Maha Perita Deria. Baginda merupakan raja keempat daripada keturunan Merong Mahawangsa. Raja Ong Maha Perita Deria ialah seorang raja yang zalim dan ditakuti rakyat. Sesiapa sahaja yang melanggar undang-undang negeri, akan ditangkap dan dipenjarakan atau dibunuh oleh pengawal atau panglima baginda.

Raja Ong Maha Deria atau Raja Bersiong ini amat gemar memakan masakan sayur bayam. Pada suatu hari, baginda telah pergi berburu. Tukang masak baginda seperti biasa telah ditugaskan untuk memasak sayur bayam. Tukang masak ini suka berangan-angan, tanpa disedari beliau telah terpotong jarinya sendiri. Darah dari jarinya telah termasuk ke dalam periuk sayur bayam yang akan dihidangkan kepada Raja Bersiong. Tukang masak ini telah menyembunyikan hal ini daripada pengetahuan orang lain kerana tiada masa untuk menggantikan masakan ini dengan masakan yang lain.

Apabila pulang daripada perburuan, Raja Bersiong terasa amat lapar dan terus sahaja bersantapkan nasi berlaukkan sayur bayam bercampur darah tadi. Baginda terasa kelainan pada masakan sayur bayam kali ini. Masakannya teramat enak. Baginda telah bertanya kepada tukang masak tentang hal ini.

Tukang masak telah mengaku akan kesalahannya membiarkan baginda santap masakan yang telah bercampur dengan darah manusia. Baginda kemudiannya telah menitahkan pengawal memancung dan membunuh musuh-musuh baginda yang dipenjarakan. Seorang banduan akan dihukum pancung dan darahnya akan dikumpulkan dalam saty bekas dan dimasukkan ke dalam masakan sayur bayam untuk santapan Raja Bersiong.

Sejak hari itu, Raja Bersiong tidak boleh hidup tanpa menyantap darah manusia setiap hari. Habis banduan di dalam penjara yang dipancung dan diambil darahnya. Sesudah penjara baginda kosong, Raja Bersiong menitahkan para pengawal untuk menculik kanak-kanak yang tidak bersalah. Kanak-kanak ini dibunuh dan darah mereka diambil untuk disantap oleh Raja Bersiong. Penduduk negeri berasa sangat marah terhadap baginda, tetapi mereka takut untuk berbuat apa-apa.

<http://www.marymartin.com/web?pid=745644>

Dia Yang Mencintai Aku / Wawa Akil

Malaysia: Karya Publika, 2021

1v.

9789672394136

\$ 15.00 / PB

Lelaki itu pernah dicintai dalam diam. Inilah lelaki yang bakal menjadi imamnya suatu hari nanti. Dia yakin lelaki itulah yang akan menemani hari-hari tuanya. Namun, belum sempat bunga-bunga cintanya mekar mewangi, dia diminta melepaskan lelaki itu. Walaupun terluka dengan permintaan itu, Hidni terpaksa akur. Perasaan yang baru bercambah itu harus diketepikan. Lelaki bernama Aqid Rayyan perlu dilepaskan daripada hatinya

Lelaki itu bukan miliknya. Ada insan lain sudah bertakhta di hati lelaki itu. Tiga tahun Aqid meneka dalam kesamaran.

Mencaii di mana silap dirinya sehingga gadis itu menghilangkan din. Separuh dirinya hilang. Kehilangan gadis itu betul-betul membuatkan dia hilang semangat.

"Kau jangan nak seksa diri sendiri Qid. Aku tak nak hilang sahabat hanya kerana seorang wanita seperti dia tu. Tak berbaloi langsung." - KAMARUL

Namun... Percaturan Allah memang hebat. Saat Aqid mulai reda dengan kehilangan gadis itu, Allah menemukan mereka semula. Pertemuan yang tidak dijangka itu membuatkan jiwa lelakinya kembali resah. Ternyata rasa cinta itu masih ada.

Namun, ego seorang Aqid Rayyan memang tinggi.

"Tiga tahun saya menanti dan mengharapkan awak muncul semula. Sehingga satu ketika saya sudah berhenti untuk mengharap. Lelaki ini hilang semangat untuk hidup hanya kerana seorang wanita." - AQID ZAYYAD

"Saya tahu saya silap kerana menghilangkan diri. Saya tak kisah awak nak salahkan saya tetapi jangan sesekali awak menyalahkan pertemuan kita. Sudah lama saya nantikan saat ini. Saat kita dipertemukan semula" - DURATTUL HIDNI

Bagi Aqid, kisah mereka sudah lama tamat tetapi bagi Hidni kisah cinta mereka baru bermula. Makin Aqid menjauh makin dekat Hidni datang. Cuma Wizran jadi penghalang antara mereka.

Siapa Wizran?

Siapa pilihan Hidni?

Bagaimana kesudahan cinta mereka?

<http://www.marymartin.com/web?pid=745157>

Dari Tanah Ke Tanah / Tajul Zulkarnain
Malaysia: Twirlight Zone Publishing, 2018
196p.
9789671494103
\$ 12.50 / PB

Tidak semua manusia bertuah dapat mengharungi hidup bersama ibu bapa tercinta. Ali beruntung kerana emak,

Fatimah dan ayah, Abdul Muttalib mengasihinya sehingga suatu hari, Ali menerima ‘wang sedekah’ daripada Tok Zel. Fatimah dan Abdul Muttalib berpindah ke rumah lain, menyebabkan Ali yakin, emak dan ayah meninggalkannya kerana mereka terkilan dia menerima rasuah. Dia nekad memulangkan ‘wang sedekah’ itu kerana mahu emak dan ayah kembali ke pangkuannya. Pada malam dia memulangkan ‘wang sedekah’ itu, Ali menyaksikan sesuatu yang pelik berlaku di rumah sahabatnya. Bermula dari malam itu juga semua rahsia terbongkar. Gadis pelik di restoran, rumah baru emak dan ayah, jiran di sebelah rumahnya, semuanya mula Ali fahami.

<http://www.marymartin.com/web?pid=750125>

Pendosa : Dulu, Kini, Selamanya / Tajul Zulkarnain
Malaysia: Twirlight Zone Publishing, 2017
216p.
9789671494110
\$ 12.50 / PB

Jon diupah oleh seorang pendendam yang mahu dia melakukan sesuatu terhadap seorang pendosa. Dendam itu bukan dendam biasa dan si pengupah ada hubungan dengan si pendosa. Jon tetap melakukan tugas itu walaupun dia merasakan kehendak si pendendam sangat gila. Dia melakukannya kerana duit tetapi tiba-tiba sahaja Jon menjadi pendosa yang dikejar oleh kifarahnya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=750126>

Mental! / Tajul Zulkarnain
Malaysia: Twirlight Zone Publishing, 2017
219p .; 18.4cm.
9789671494127
\$ 12.50

Keceloparan status Facebooknya telah menyebabkan nyawa Wafiy Alias menjadi taruhan bila dia mulai diekori oleh seorang lelaki mental. Cabaran lelaki mental itu disahut. Lokasi pertemuan telah ditetapkan. Hidupkah Wafiy Alias selepas itu?

<http://www.marymartin.com/web?pid=750127>

Bertarung Dengan Syaitan / Tajul Zulkarnain
Malaysia: Twirlight Zone Publishing, 2017
218p. ; 18.5cm.
9789671494141
\$ 12.50 / PB

Arwah atukku bukan sembarang perawat. Gurunya dari tanah seberang. Ilmu yang ada padanya bukan calang-calang. Legasinya tidak patut hilang begitu sahaja setelah dia tiada. Oleh itu, aku mengambil keputusan untuk bercerita tentang kehebatan arwah atukku bertarung dengan syaitan semasa hayatnya. Diharapkan membuka minda semasa membaca kisah ini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=750128>

Awek Mata Bundar / Abe Krambit
Malaysia: Abe Krambit Global & Twirlight Zone Publishing,
2018
296p. : 18.5cm.
9789671597804
\$ 13.00 / PB

Balik dari berkelah, Mohsin ke warung Tok Minah bersama Petak, sahabat serumahnya. Waktu semasa itu sudah tengah malam. Ketika menunggu makanan sampai, dia ternampak seorang gadis bermata bundar, duduk seorang diri di meja

hujung warung itu. Mohsin terpikat. Gadis itu meninggalkan nombor telefonnya dan mereka mula ber-Whatssap. Melalui perbualan mereka itu, Mohsin dapat tahu gadis itu bernama Atikah dan merupakan cucu Tok Minah. Keesokan malamnya, Mohsin cuba beramah mesra dengan Tok Minah, bakal nenek mentua, kononnya. Tetapi dia dikejutkan dengan berita yang tidak dijangka. "Atikah dah lama meninggal, bang!" kata Azizah, cucu Tok Minah yang seorang lagi. Sejak hari itu, Mohsin mula menerima gangguan yang menyebabkan dia sakit hingga kini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=750129>

Antologi Cerpen Kampung Siluman Dot Com : Seriau / Tajul Zulkarnain (et al.)
Malaysia: Twirlight Zone Publishing, 2018
546p. ; 19cm.
9789671494158
\$ 12.50 / PB

Novel bertajuk SERIAU ini mengandungi 30 Cerpen dan merupakan cerita-cerita pendek yang ditulis oleh 8 orang penulis.

<http://www.marymartin.com/web?pid=750130>

Kemarau di lembah / Kassim Ahmad
Kelantan: Kedai Hitam Putih, 2020
xlii, 186p.
9789671872208
\$ 15.00 / PB

218gm.

"ada kepala tunduklah kalau-kalau dangkal bicaranya"
Setelah 35 tahun akhirnya Kemarau di Lembah diterbitkan kembali, ini adalah satu-satunya antologi sajak dan cerpen Kassim Ahmad. Beliau pernah menulis sebuah novel semasa

dalam tahanan ISA (1976-1981) draft awal tulisan tangan diberi judul Zaman Pancaroba, tapi diperiksa oleh pegawai untuk dibaca sebelum sempat diserahkan kepada isterinya dan diharamkan serta tidak dikembalikan sehingga kini, seperti kata Kassim "masih dalam fikiran sudah diharamkan" Untuk terbitan ini diperbaharui kulit buku menggunakan catan serta dua sketsa oleh Zakaria Ali, sepatah kata dari Sdr Shauqi Kassim, kata pengantar oleh Cikgu Ngor Guat Peng dan wawancara Kassim Ahmad bersama Nadi Insan (Oktober 1981)

<http://www.marymartin.com/web?pid=750256>

Performing Arts

Ilham dari Alam MENORA : Cerita sebuah Tari / Lim Swee Tin & Amnuai Eler (Eds) Amirul Firdaus Zilah & Raihana Sulaiman Kota Bharu, Kelantan: Penerbit UMK, 2020
viii, 130p.

9789672912118

1. Folk drama, Malay – Malaysia – Kelantan.
2. Theatre – Malaysia – Kelantan.
3. Folk dancing – Malaysia – Kelantan.
4. Folk songs, Malay – Malaysia – Kelantan.

\$ 55.00 / HB

966gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=744830>

Politics

Peranan Bugis dalam Politik Sabah / Asmiaty Amat (et al.)
Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2020

1v.

9789672166 ; 9789672962151

\$ 32.50 / PB

Penglibatan etnik Bugis sudah dimulakan sejak gagasan Malaysia disuarakan dan tersimpan dalam bentuk “kolektif memori” sebagai pengalaman hidup yang akhirnya kelak mempengaruhi hala tuju politik golongan mudanya pada masa kini. Oleh itu, buku ini bukan sahaja bermatlamat menelusuri sejarah penglibatan kumpulan etnik Bugis daripada persatuan bersifat sosiobudaya ke arena politik nasional, tetapi juga menekankan keperluan mendudukkan metode kelisanan dalam pendokumentasian sejarah politik Sabah. Pada masa yang sama, kedinamikan politik Bugis yang berpayung di bawah tonggak Melayuisme sekian lama dianggap sebagai kelompok minoriti dan kelas kedua dapat dialihkan dari “pinggiran” ke “pusat” turut diwacanakan dalam buku ini. Dalam konteks real politic pula, adalah tidak berlebihan untuk menyatakan bahawa kehadiran buku ini berjaya membuktikan pengaruh geopolitik kumpulan etnik Bugis dalam mencorakkan perubahan kepimpinan atau menentukan pembentukan Kerajaan Negeri Sabah pada setiap pilihan raya yang diadakan. Malahan, lebih daripada itu, aspek yang menjadikan buku ini lebih menarik dan bermanfaat untuk tatapan pembaca adalah disebabkan ia turut mengenal pasti isu permasalahan yang membelenggu perjalanan politik Bugis serta berusaha memberikan jawapan kepada hala tuju politik mereka sekiranya ingin kekal relevan dalam pentas politik Sabah. Secara mudahnya, buku ini dihasilkan bukan untuk mempersesembahkan khalayak kepada teori politik yang serba meninggi, tetapi sekadar dengan fakta dan contoh yang sangat membumi!

<http://www.marymartin.com/web?pid=749078>

Politik Pentadbiran Perdana Menteri Malaysia / Iskandar Hasan Tan Abdullah & Nur Azuki Yusuff
Kota Bharu, Kelantan: Penerbit UMK, 2019
xviii, 174p.
Includes Index ; Bibliography

9789672229766

1. Malaysia – Politic and government.
2. Prime ministers – Malaysia.
3. Political leadership – Malaysia.
4. Government publications – Malaysia.

\$ 15.00 / PB

282gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=755605>

Psychology

Aplikasi Psikologi Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan /
Soon Singh A/L Bikar Singh & Balan Rathakrishnan
Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia
Sabah, 2020

1v.

9789672166672

\$ 22.50 / PB

Psikologi Pendidikan adalah salah satu cabang ilmu psikologi yang mengkaji secara saintifik tentang tingkah laku manusia dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Antara aspek utama yang menjadi kajian bidang Psikologi Pendidikan ialah teori perkembangan, teori pembelajaran proses pembelajaran, gaya pembelajaran, perbezaan individu dan tingkah laku bermasalah. Ilmu Psikologi pendidikan ini amat penting untuk membantu guru merancang aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan yang efektif mengikut kebolehan dan keperluan murid di sekolah.

Di samping itu, ilmu Psikologi Pendidikan turut membantu warga pendidik memahami tingkah laku murid dalam kelas dan mengawal disiplin murid. Oleh itu, karya ini dapat membantu bakal guru untuk memahami bidang Psikologi Pendidikan. Karya ini juga dapat digunakan sebagai sumber

rujukan penting oleh warga pendidik di sekolah untuk merancang pelbagai aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan yang efektif dan menarik minat murid untuk belajar.

<http://www.marymartin.com/web?pid=748881>

Prinsip-prinsip Ujian dan Pengukuran Psikologi / Chua Bei Seok

Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2020

1v.

9789672166818

\$ 22.50 / PB

Buku ini membincangkan ciri-ciri asas dan teknikal ujian psikologi, isu-isu psikometrik ujian seperti reliabiliti, validiti dan analisis item serta proses pembentukan sesuatu ujian atau instrumen. Ujian-ujian psikologi penting digunakan di seting klinikal bagi membantu ahli terapi atau psikologi memilih dan merancang rawatan bagi kliennya. Ia turut digunakan di tempat kerja bagi membantu proses pemilihan pesonel dan pengiktirafan profesional. Di sekolah, kaunselor menggunakan bagi memahami keadaan yang dihadapi pelajar dan membantu pelajar memilih bidang pengajian atau kerjaya mereka.

Dalam penyelidikan, ujian psikologi digunakan bagi membantu ahli penyelidikan memahami sesuatu fenomena atau masalah yang berlaku dan seterusnya mencadangkan solusi kepada masalah tersebut. Pengguna ujian psikologi harus mengetahui bagaimana untuk memilih dan menilai sesuatu ujian bagi memastikan ujian psikologi yang digunakan itu boleh mengukur secara konsisten dan boleh mengukur apa yang hendak diukur.

Diharapkan penerbitan buku ini dapat memberi pengetahuan kepada pembaca dan pengguna ujian tentang prinsip-prinsip

dalam ujian dan pengukuran psikologi yang penting dalam penggunaan ujian psikologi.

<http://www.marymartin.com/web?pid=748909>

Religion-Islam

Khurafat, Takyul dan Mistik di Alam Melayu / Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi
Batu Caves, Selangor: PTS Publishing House, 2020
lxii, 202p.
9789674815837

1. Superstition – Religious aspects – Islam.
2. Islamic heresies.
3. Kufir (Islam).
4. Mysticism.

\$ 12.00 / PB

348gm.

"Masalah ini timbul kerana agama Islam datang kemudian. Sebelum kedatangan Islam, orang Melayu sudah banyak mengumpul nilai agama lain termasuk animisme, Hindu dan sebagainya. Mereka takut hendak meninggalkan nilai agama yang lama. Akibatnya, yang lama disimpan manakala yang baharu diambil. Malah sehingga kini, kita dapat orang yang mempraktikkan ajaran Islam dan menunaikan semua rukun Islam dengan baik, serta menjaga sembahyang dan puasa juga masih menyimpan amalan yang lama. Walaupun mereka bukan setakat menunaikan puasa yang wajib pada bulan Ramadan, malah puasa-puasa sunat yang lain, menunaikan fardu haji lebih daripada satu kali, tetapi pada masa yang sama tidak mahu meninggalkan amalan yang lama. Sekiranya mereka membela hantu raya, mereka tidak mahu

membuangnya. Sekiranya boleh, mereka mahu simpan kedua-duanya sekali." - Prof. Emeritus Dato' Paduka Zakaria Stapa
*** "Sebagaimana dinamisme, animisme juga tidak hilang dengan kedatangan berbagai-bagai agama di rantau ini. Bahkan sehingga sekarang masih hidup. Meskipun majoriti penduduk Nusantara sudah menganut agama Islam yang anti-syirik dan tidak mengakui suatu kuasa pun selain daripada kuasa Allah SWT. Sebahagian umat Islam masih lagi mempercayai kuasa-kuasa roh inii, memuja dan mengharapkan pertolongannya. Dalam banyak perkara, elemen dinamisme dan animisme dicampuradukkan dengan ajaran Islam supaya fahaman dan kepercayaan ini tidak ditolak oleh umat Islam" - Dr. H. O. K. Rahmat S. H.

<http://www.marymartin.com/web?pid=750421>

Teguran Suci dan Jujur Terhadap Mufti Johor / Hamka
Bandar Baru Bangi: JT Books (Jejak Tarbiah) PLT, 2020
viii, 140p.

9789671826003

1. Polemics.
2. Libel and slander – Religious aspects – Islam.
3. Religious life – Islam.

\$ 18.00 / PB

152gm.

Teguran Suci & Jujur Terhadap Mufti Johor merupakan sebahagian rakaman sejarah mengenai polemik agama yang berlaku di ranah Nusantara ini.

Karya ini mengandungi kumpulan jawapan balas HAMKA terhadap pernyataan-pernyataan Mufit Negeri Johor iaitu Dato' Sayyid Alwi Tahir al-Haddad yang tersiar dalam akhbar Semenanjong, bertarikh 26 Zulhijjah 1377 (14 Julai 1958). HAMKA dengan sikap budi pekerti dan rendah hatinya menangkis segala kenyataan Dato' Sayyid Alwi dengan penuh bijaksana tanpa sedikit pun memperkecilkkan peribadi mufti Johor tersebut.

Naskhah ini memperlihatkan kepada kita bahawa HAMKA merupakan tokoh yang mementingkan permuafakatan dan persefahaman. Segala pandangan yang dilontarkan HAMKA bersifat menjernihkan dan memurnikan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=755606>

Buku Panduan Ziarah – Tarim dan Sekitarnya : Kota Ahl Bayt dan 1001 Auliya / Irfan Nazhan Bin Mohd Nasri

274p.

Malaysia: Irfan Nazhan Bin Mohd Nasri (Bahtera Firady), 2020
\$ 40.00 / HB

486gm.

Kota yang boleh dikatakan satu refleksi dari doa keberkahan Baginda ﷺ pada tanah Yaman yaitu: “Ya Allah, berkatilah Syam kami dan Yaman kami” – hadith diriwayatkan oleh Imam Bukhari. Kota ini didiami oleh wali-wali yang patah tumbuh hilang berganti. Wali-wali yang sebahagian besar adalah cucu-cicit Baginda ﷺ yang majoritinya kembali keturunan mereka kepada datuk mereka iaitu Sayyidina Muhamad Ila Allah Ahmad Bin Esa yang berhijrah dari kota Baghdad ke kota Yaman.

Buku ini memberi gambaran yang menyeluruh tentang kota yang penuh barakah dari cara kehidupan penghuninya, adat, budaya, dan keistimewaan kota Tarim yang termasuk masjid-masjid, maktabah-maktabahnya, pusat-pusat pendidikannya dan di luar Tarim. Buku ini juga menceritakan sejarah kedatangan para Ahlul-bait, tokoh-tokoh utama dari kalangan para Ahlul-bait dan cara (manhaj) dakwah mereka.

Dalam buku ini juga terdapat senarai nama dan tempat untuk diziarihi di Hadramout yang mana ia akan memudahkan bagi penziarah untuk menyusun perjalanan mereka sebelum ke Hadramout.

<http://www.marymartin.com/web?pid=755607>

Sociology

Simbolisme dalam Adat Kematian Bajau dari Perspektif /
Halina Sendera Mohd Yakin & Andreas Totu
Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia
Sabah, 2019

1v.

9789782166559

\$ 22.50 / PB

Buku ini memperincikan signifikasi simbol, iaitu makna dan fungsi simbol-simbol yang terdapat dalam adat kematian masyarakat Bajau dari perspektif semiotik dan komunikasi khususnya komunikasi tanpa lisan. Oleh hal yang demikian, buku ini bersifat agak ilmiah dengan perincian epistemologi ilmu yang berkaitan. Keberadaan simbol-simbol budaya yang wujud di persekitaran landskap kehidupan dapat memberikan ruang untuk memahami nilai-nilai dukungan sesebuah masyarakat kerana kewujudan produk atau simbol budaya dalam kehidupan masyarakat bukanlah suatu kebetulan ataupun wujud dalam vakum, tetapi terhasil daripada janaan minda berdasarkan pengalaman budaya yang berevolusi sifatnya.

Justeru, menjadi kepentingan bagi masyarakat untuk mengetahui dan seterusnya mendalamai fungsi dan makna yang tersirat di sebalik manifestasi sesuatu simbol agar dapat memahami sesebuah masyarakat. Seperkara lagi, pemahaman terhadap nilai-nilai tersebut tidak boleh dilandaskan berdasarkan satu ruang lingkup sahaja seperti dari perspektif agama tetapi perlu melihat sisi lain yang berkaitan seperti aspek historiografi dan ketamadunan masyarakat bagi meluaskan lagi horizon pengetahuan dan kefahaman kita terhadap masyarakat terbabit.

<http://www.marymartin.com/web?pid=747657>

Travel Guidebooks/Travelogues

Ma Oon Rizal : Cikgu Malaysia di Finland / Hasrizal Abdul Jamil
(Ed) Mardhiyyah Abadan

Bandar Baru Bangi: JT Books (Jejak Tarbiah) PLT, 2020
xiii, 263p.

9789671797105

1. Hasrizal Abdul Jamil – Anecdotes.
2. Finland – Description and travel.
3. Travel – Anecdotes.
4. Traveler's writings, Malaysia.
5. Travel writing.

\$ 20.00 / PB

312gm.

Mendengar suara hati di negeri salji meskipun sunyi bukanlah mudah. Hasrizal, kamu lahir pada zaman yang salah dan menginginkan sesuatu yang tiada pada realiti hari ini. Mungkin lama selepas kamu tiada nanti, barulah kamu akan difahami! Kata-katanya itu membuatkan saya termenung saban hari. Lazimnya, saya menulis dalam keadaan saya tahu daripada apa sesuatu bermula, dan di mana noktah akhir yang disasarkan sebagai perhentian. Jelas dari hujung rambut hingga ke hujung kaki namun, kembara di sebuah negeri salji bernama Finland ini penuh onak dan duri. Sebanyak mana pun ia saya ungkapkan dalam bab demi bab, ungkapan itu hanyalah menceritakan sebahagian daripada apa yang saya mampu ceritakan untuk teladan bersama. Seumpama puncak sebongkah ais yang terapung di sepi Artik, apa yang dilihat mata, hanyalah satu persepuhl daripada keseluruhan bongkah ais yang terendum menurut Undang-undang Apungan Archimedes. Saya hidup dengan persoalan. Persoalan mendorong saya berjalan. Perjalanan yang saya coret dalam naskhah ini, tujuannya agar sepi di negeri asing ini tersimpan erat dalam kenangan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=755608>
